

Pelajar UiTM Sabah lawat UMS-KAL

UB 13/08/2011 82

LABUAN: Seramai 50 pelajar Universiti Teknologi Mara (UiTM) Cawangan Kota Kinabalu telah mengadakan lawatan sambil belajar ke Universiti Malaysia Sabah, Kampus Antarabangsa Labuan (UMS-KAL), kelmarin.

Kunjungan singkat itu diketuai oleh Timbalan Rektor UiTM Sabah, Rosita Mohammad bersama dua pegawai kanannya.

Mereka mengunjungi Pejabat Pengarah di Tingkat 13 yang menempatkan pejabat Pengarah UMS-KAL, Prof Madya Dr Shariff Abdul Kadir Omang, makmal dan Sekolah Perniagaan dan Kewangan Antarabangsa Labuan (SPKAL).

Taklimat mengenai sejarah UMS-KAL telah disampaikan oleh Penolong Pendaftar Pentadbiran, Noraini Samsu manakala Pemangku Dekan SPKAL, Prof Madya Dr Norazah Mohd Suki menyampaikan

taklimat mengenai program di sekolah berkenaan.

Pada masa ini, terdapat kira-kira 1,992 pelajar UMS-KAL iaitu 1,584 pelajar SPKAL dan 408 pelajar Sekolah Sains Informatik Labuan (SSIL), termasuk pelajar antarabangsa dari China dan Turki.

Bilangan kakitangan pula ialah seramai 282 orang iaitu kakitangan akademik seramai 100 termasuk pensyarah dari Bangladesh manakala kakitangan bukan akademik 181 orang.

Noraini mengucapkan terima kasih atas kunjungan pelajar UiTM itu dan berharap kedua-dua pihak akan meneruskan hubungan baik itu untuk manfaat pelajar dan kakitangan pada masa akan datang.

Sementara itu, Norazah mengalui-alukan kerjasama antara SPKAL dan UiTM terutama di bidang berkaitan perbankan dan kewangan antarabangsa.



TERIMA KASIH ... Norazah (kanan) menerima cenderamata daripada Rosita diperhatikan pegawai kanan UMS-KAL dan UiTM.